

→ SASTERA & BUDAYA

Terjemahan ulama Palembang karya terkenal alam Melayu



Naskhah *Hidayah Al-Salikin fi Suluk Maslak Al-Muttaqin* terjemahan Sheikh Abdul Samad adaptasi naskhah al-Ghazali, *Bidayah Al-Hidayah* yang dimiliki British Library.

→ Hidayah Al-Salikin antara naskhah abad ke-19 masih terus diulang cetak

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Terjemahan bahasa Melayu daripada naskhah tulisan ulama terkenal, Imam al-Ghazali menjadi terjemahan paling penting dan berpengaruh yang dilakukan Sheikh Abdul Samad Al-Falimbani dari Palembang.

Sheikh Abdul Samad yang tinggal di Makkah dan Taif antara 1764 dan 1789, adalah ulama Melayu terpenting pada abad ke-18 yang menghabiskan kebanyakan usianya dengan belajar, mengajar dan menulis di Hijaz.

Ketua Kurator Koleksi Asia Tenggara British Library, Datuk Dr Annabel Teh Gallop, berkata Sheikh Abdul Samad yang menulis dalam bahasa Melayu dan Arab menyempurnakan adaptasi naskhah al-Ghazali, *Bidayah Al-Hidayah*.

Beliau berkata, mengikut kolofon atau tanda yang mengandungi

maklumat mengenai pengkarya atau penerbit di hujung sesebuah buku, naskhah yang membicarakan mengenai perihal dogmatik dan syariah itu yang diterjemahkan sebagai *Hidayah Al-Salikin fi Suluk Maslak Al-Muttaqin* disempurnakan Sheikh Abdul Samad di Makkah pada 3 Februari 1778.

Karya masih lagi dicetak

"Ia adalah karya yang sangat terkenal di alam Melayu. Lebih 82 manuskrip didokumenkan daripada katalog penerbit termasuk di Leiden, Paris, Jakarta, Palembang dan Aceh, manakala 50 lagi terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

"*Hidayah Al-Salikin* menjadi antara naskhah Melayu pertama yang diterbitkan di Kaherah, Makkah, Mumbai dan Singapura pada abad ke-19 serta masih lagi dicetak di Malaysia dan Singapura sehingga hari ini.

"British Library juga memiliki satu daripada manuskrip *Hidayah Al-Salikin* dari Aceh, iaitu salinan

bertarikh paling awal yang diketahui," katanya seperti yang dipetik daripada laman web British Library.

Gallop berkata, mengikut catatan kolofon, manuskrip itu dimiliki Teungku Busangan yang disalin Teungku Hasyim ibn Abdul Rahman Patani di negeri yang diandaikan sebagai *Lamsayun, Aceh* pada 9 Februari 1783.

"Manuskrip itu bertarikh hanya lima tahun selepas ia disiapkan Sheikh Abdul Samad yang pada masa itu masih aktif menulis.

Impak besar penulisan

"Satu lagi manuskrip, iaitu satu daripada 10 salinan yang kini disimpan di madrasah Islam terkenal, *Tanoh Abee di Aceh*, kemudiannya disalin di Makkah oleh Lebai Malim dari Lam Bai, Aceh pada 22 Mei 1783.

"Kewujudan dua manuskrip yang disalin daripada ribuan kilometer antara satu sama lain dalam tempoh lima tahun ia disempurnakan Sheikh Abdul Samad



Ia adalah karya terkenal di alam Melayu. Lebih 82 manuskrip didokumenkan termasuk di Leiden, Paris, Jakarta, Palembang dan Aceh"

Annabel Teh Gallop,
Ketua Kurator Koleksi Asia Tenggara British Library

menunjukkan besarnya impak penulisan beliau sepanjang kehidupannya," katanya.

Setahun selepas menyempurnakan *Hidayah Al-Salikin*, Sheikh Abdul Samad memulakan projek terakhirnya, iaitu terjemahan ringkas bahasa Melayu membabitkan karya paling berpengaruh al-Ghazali, *Ihya Ulumuddin* atau *Sayr Al-Salikin ila Ibadat Rabb Al-Alamin* yang dipersembahkan dalam empat bahagian.

Setiap bahagian itu memiliki 10 bab dan menyentuh mengenai Rub Al-Ibadat, iaitu berkaitan aspek pengetahuan dan keperluan iman, norma kehidupan seharian (Rub Al-Adat); kebinasaan (Rub Al-Muhlikat) dan sifat terpuji (Rub Al-Munjiyat).

British Library, kata Gallop, memiliki manuskrip yang mengandungi hanya dua pertiga daripada *Sayr al-salikin* yang mana teksnya hanya bermula pada pertengahan bab ketiga dan mengikut nota pada pembalutnya, ia dimiliki Muhammad Yusuf dari Tanoh Abee di Aceh.